

HARIDN METRO 13/01/2010 M/S 7

Peralat wanita miskin

■ Ahli sindiket dadah antarabangsa tawar peluang perniagaan ■ Ibu beranak enam ditahan di Milan, Itali

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim
mfirdaus@hmetro.com.my

SUBANG JAYA: Cukup licik apabila sindiket dadah antarabangsa kini beralih arah mempergunakan wanita miskin sebagai 'keldai dadah' selepas menyedari taktik digunakan sebelum ini diketahui umum termasuk pihak berkuasa.

Sebelum ini, sindiket terbabit dikesan mempergunakan pesakit mental untuk membawa dadah ke negara ini selepas taktik menggunakan perkhidmatan kurier dikesan.

Berikutan itu, kumpulan

sindiket terbabit kini menasarkankan golongan wanita miskin yang melakukan kerja sambilan seperti menerima tempahan baju sebagai orang perantara bagi membawa dadah dari luar masuk ke negara ini.

Dalam kes terbaru, seorang ibu beranak enam yang juga penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ditahan di sebuah lapangan terbang di Milan, Itali ketika membawa sebuah beg yang mengandungi dadah, baru-baru ini.

Mangsa yang menetap di Taman Bukit Serdang, Sri Kembangan di sini, kini ditahan pihak berkuasa negara

berkenaan untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Lebih membimbangkan apabila bantuan yang diberikan JKM dihentikan selepas pihak terbabit mengetahui wanita berkenaan melakukan kesalahan di luar negara menyebabkan kehidupan enam anaknya tidak teratur.

Malah, suami mangsa yang hanya bekerja sebagai warden trafik di sebuah sekolah rendah terpaksa membanting tulang mencari rezeki selain menguruskan keenam-enam anaknya yang masih bersekolah.

Mendedahkan perkara itu, Pengerusi Biro Aduan Ko-

muniti Pemuda Umno Malaysia, Datuk Muhd Khairun Aseh, berkata ahli sindiket dadah antarabangsa menyamar sebagai pelanggan untuk menempah pakaian sebelum menawarkan peluang untuk memajukan perniagaan kepada mangsa.

"Disebabkan kesempitan hidup, mangsa yang tidak menyedari dirinya akan dipergunakan sebagai 'keldai dadah' menerima tawaran berkenaan.

"Mangsa hanya diarahkan mengambil kain serta pakaian yang disediakan di negara berkenaan sebelum dibawa pulang ke negara ini," katanya ketika ditemui di

majlis jamuan yang dianjurkan bekas kakitangan Majlis Tindakan Pelancongan (MTPN) di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Omar Osman dan wakil MTPN, Abu Bakar Salim.

Menurutnya, mangsa yang dalam perjalanan pulang ke tanah air bagaimanapun terkandas apabila pemeriksaan keselamatan dilakukan pihak lapangan terbang menjumpai sejumlah dadah disembunyikan bersama kain serta pakaian dalam beg dibawa mangsa.

"Mangsa hanya menyedari

dirinya dipergunakan sindiket dadah terbabit untuk membawa dadah selepas ditahan. Semuanya sudah terlambat ketika itu," katanya.

Muhd Khairun berkata, berikutan itu pihaknya bersama Wisma Putra sedang berusaha membantu membawa mangsa pulang ke tanah air.

"Kami sudah berbincang dengan pihak berkuasa negara terbabit dan rundingan diyakini bakal membuahkan hasil dalam sedikit masa lagi. Malah, kita juga sedang berunding dengan JKM untuk meneruskan bantuan kepada keluarga berkenaan," katanya.